

Headline	Zoo Negara pantau tahap kesuburan panda		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	28 Oct 2017	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	25	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	352 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,957
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,871



# Zoo Negara pantau tahap kesuburan panda

**SELEPAS** keputlangan Nuan Nuan, pihak Zoo Negara menjangkakan pasangan panda gergasi, Xing Xing dan Liang Liang akan mengawan semula semasa waktu subur yang dijangka pada Mei tahun depan.

Pengarah Zoologi dan Veterinar Zoo Negara, Dr. Mat Naim Ramli memberitahu, pihaknya sentiasa memantau pasangan panda tersebut agar tempoh mengawan pasangan panda itu mengikut waktu kesesuaianya.

Walau bagaimanapun, katanya, ini bergantung pada keinginan pasangan panda gergasi itu untuk mengawan ketika tempoh kesuburan, antara

April hingga Mei.

“Disebabkan pasangan panda hanya akan melalui proses mengawan sekali dalam setahun iaitu dari April hingga Mei, kami perlu memantau gerak-geri pasangan itu terlebih dahulu, sebelum diletakkan sekali dalam satu sangkar.

“Sekiranya berjaya dan anak kedua mereka dilahirkan, anak panda tersebut akan melalui proses yang sama seperti Nuan Nuan iaitu akan dihantar pulang ke China selepas umurnya genap dua tahun,” katanya.

Menurutnya lagi, pihak Zoo Negara akan mengadakan perbincangan membabitkan jawatankuasa pemantau projek

panda yang turut dianggotai kakitangan zoo dan agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar seperti Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan).

“Pelbagai isu akan dibincangkan dalam mesyuarat tersebut yang diadakan dua kali setahun dan sudah tentu, isu pembiakan panda manjadi salah satu topik perbincangan.

“Jawatankuasa ini juga berbincang mengenai isu atau keperluan lain bagi mematuhi perjanjian bersama antara kerajaan dengan Zoo Negara,” katanya.



TEMPAT penyediaan makanan panda di Zoo Negara.